

07 APR 1997

Mahathir-projek

DR MAHATHIR CADANGAN KUWAIT BIAYA PROJEK MALAYSIA DI LUAR NEGARA

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDAR RAYA KUWAIT, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat ruang untuk pelabur Kuwait menyertai projek yang dikendalikan oleh usahawan Malaysia di luar negara dengan membiyai projek-projek ini.

Perdana Menteri berkata kesan daripada pembesaran di dalam negara, usahawan Malaysia kini menumpu kepada pelaburan di seberang laut.

Bagaimanapun, untuk mendapatkan modal untuk pembiayaan projek, Malaysia lebih gemar meminjam dari luar negara, katanya pada dialog dengan ahli perniagaan Kuwait di sini malam tadi. Beliau berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari sebelum berlepas ke Bahrain hari ini.

Pelabur Malaysia kini aktif di negara-negara seperti Afrika Selatan, Zimbabwe, Namibia, Uzbekistan serta Kazakhstan.

Malaysia tidak lagi meminjam dari negara-negara seperti Jepun atau dari Bank Dunia, dan menurut Dr Mahathir, Malaysia mudah mendapat bantuan kewangan dari bank komersil.

Beliau juga berkata terdapat sekatan terhadap institusi kewangan asing untuk membuka cawangan di Malaysia bagi melindungi bank-bank tempatan yang kecil.

"Kami agak kecil dan jika tidak ada sekatan, bank asing akan masuk dan menguasai perniagaan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia sedang giat menggalakkan bank-bank tempatan dan yang kecil untuk bergabung sebagai persediaan menghadapi pasaran lebih bebas di masa depan.

Beliau memberi jaminan kepada ahli perniagaan Kuwait bahawa mereka bebas menjalankan urusan kewangan luar pesisir di Labuan dengan memberi pinjaman.

Katanya sebanyak 50 bank asing yang dulunya beroperasi di Hong Kong kini berpindah ke Labuan kerana terdapat keraguan berhubung kedudukan perniagaan di jajahan British itu yang akan diserahkan balik kepada China pada Julai tahun ini.

Dr Mahathir juga berkata penyerahan kembali Hong Kong kepada China tidak menimbulkan masalah kepada Malaysia kerana kedudukan Hong Kong telah berubah secara positifnya sejak 10 tahun lepas hasil dasar terbuka China yang membenarkan perdagangan terus tanpa melalui Hong Kong.

Beliau berkata apabila China membuat keputusan untuk membuka pasarannya, pelaburan telah masuk dengan banyak ke beberapa bandarnya apabila ahli perniagaan Hong Kong bertumpu ke situ sambil membawa kepakaran dan dana mereka.

"Apabila Hong Kong kembali ke China, proses ini akan berterusan dan seperti yang anda lihat, ia tidak memberi kesan kepada kami," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan Malaysia tidak bimbang mengenai rakyat Malaysia keturunan Cina mengadakan urusan perniagaan di China.

"Apabila mereka ke sana, mereka mungkin membantu ekonomi China dan apabila ia makmur, China akan membeli lebih banyak produk dari Malaysia.

"Terdapat 1.2 bilion rakyat China dan kami selalu berkata jika rakyat China menggunakan satu sudu minyak sawit sehari, kami akan kaya," kata Dr Mahathir.

Malaysia merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia. -- BERNAMA
ARA MAI